

Pekerja am ceroboh bangunan kerajaan, cuba curi pingat dipenjara enam bulan

KUCHING: Pada henceroboh masuk Bangunan Baitul Makmur dan cuba mencuri sebuah pingat Ahli Kehormat PERKIM, seorang pekerja am dijatuhi hukuman penjara enam bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Shaifullah Sandy Abdullah, 29, mengaku bersalah sebaik didakwa atas dua pertuduhan yang dibuat mengikut Seksyen berasingan.

Untuk pertuduhan di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 511 Kanun sama iaitu cubaan mencuri pingat, Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan tertuduh dipenjara enam bulan.

Sementara Penolong KananPendaftar Mahkamah Abdurrahman Abrar Jarni menjatuhkan hukuman penjara lima bulan terhadap tertuduh bagi kesalahan menceroboh bangunan tersebut, mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan.

M a h k a m a h memerintahkan kedua-dua hukuman penjara berkuat kuasa semalam (7 April 2026).

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh melakukan kesalahan itu sekitar jam 9.20 pagi pada 2 April 2026 di sebuah pejabat kerajaan negeri di tingkat sembilan, Bangunan Baitul Makmur 1 di Petra Jaya di sini.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh ditangkap oleh polis bantuan yang melakukan rondaan di dalam bangunan tersebut pada hari kejadian susulan dia dikesan telah menceroboh masuk dan bermalam di salah sebuah pejabat di sana.

Hasil pemeriksaan terhadap tertuduh kemudiannya membawa kepada penemuan sebuah pingat milik



DIHUKUM: Tertuduh (dua kiri) diiring polis ketika berada di lobi Mahkamah Kuching semalam, selesai dijatuhi hukuman.

seorang setiausaha sulit kanan Premier Sarawak, yang ditemui berada dalam simpanan serta kawalan tertuduh.

Susulan itu, tertuduh diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya dan polis turut merampas pingat berkenaan serta beberapa barangan seperti dua unit topi, sebuah beg galas serta dua helai baju antara lainnya, untuk dijadikan barang kes.

Hasil siasatan polis mendapati tertuduh sebelum ini telah menceroboh masuk ke bangunan tersebut, dengan kejadian pertama berlaku pada 24 Mac 2026 sekitar jam 7.30 pagi di mana tertuduh menyamar sebagai pekerja kontraktor dan masuk menerusi pintu tingkat bawah tanah.

Tertuduh yang mengetahui terdapat kerja penubahsuaian kecil di sana

seterusnya mengambil kesempatan melepak sebelum tertidur di tingkat dua sehingga jam 8 malam.

Setelah tersedar, tertuduh seterusnya menggunakan tangga kecemasan sehingga ke tingkat sembilan dan mendapati pintu belakang pantri dalam keadaan terbuka.

Susulan itu, tertuduh memasuki pejabat berkenaan dan keluar melalui laluan sama, dengan sengaja membiarkan pintu tersebut tidak dikunci.

Dalam kejadian kedua pada 25 Mac 2026, tertuduh sekali lagi menceroboh tempat sama dengan membawa beg galas berisi bantal kecil, pakaian dan mi segera.

Tertuduh seterusnya menggunakan fasiliti di situ serta bermalam, sebelum beredar dari situ pada pagi keesokan harinya.

Dalam pada itu, ter-

tuduh turut dijatuhi hukuman denda RM4,000 atau enam bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah menyalahgunakan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine pada 27 Julai 2022, sekitar jam 2.26 pagi.

Kesalahan itu dilakukannya di pejabat Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching, dengan pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta sama.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Muhammad Aidil Akmal Sharidan dan DPP Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.